

**LATIHAN
BAHASA MELAYU
TAHUN 5
SELASA/ 24 MAC 2020**

Praktis 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Senaman merupakan aktiviti yang dapat menyihatkan badan. Namun, aktiviti ini semakin hari semakin kurang diamalkan kerana kesuntukan masa. Masyarakat lebih mengutamakan kerja seharian mereka.

Bersenam seharusnya dilakukan sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Antara kepentingan melakukan senaman adalah dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan mengawal berat badan seseorang. Selain itu, senaman juga dapat memperkuat keupayaan otot, mengurangkan kolesterol di dalam badan serta dapat mencergaskan otak.

Sebelum bersenam, kita perlu memanaskan badan dengan melakukan aktiviti regangan sekurang-kurangnya lima minit bagi mengelakkan kekejangan otot. Jangan bersenam ketika sakit atau cedera. Pakailah pakaian yang selesa dan tidak ketat serta gunakan kasut yang sesuai bagi mengelakkan kecederaan.

Kesimpulannya, bersenam memang memberikan kebaikan dari segi mental dan fizikal. Oleh itu, kita mesti bersenam dalam kehidupan harian.

1. Apakah yang perlu dititikberatkan sebelum bersenam ?
 - A. Jangan bersenam ketika sakit atau cedera.
 - B. Memakai kasut yang sesuai untuk bersenam.
 - C. Melakukan pelbagai aktiviti sebelum bersenam.
 - D. Mencari suatu tempat yang sesuai untuk bersenam.

2. Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk melakukan regangan ?
 - A. Lima minit
 - B. Lebih dari lima minit.
 - C. Kurang dari lima minit.
 - D. Sekurang-kurangnya lima minit.

3. Mengapakah kita mesti memakai kasut yang sesuai semasa bersenam ?
- A. Lebih senang untuk bersenam.
 - B. Boleh mengurangkan berat badan.
 - C. Mengelakkan sebarang kecederaan.
 - D. Menambahkan kecantikan seseorang.
4. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Bersenam membuang masa seseorang.
 - B. Bersenam boleh merosakkan otak seseorang.
 - C. Bersenam dapat memperkuat keupayaan otot.
 - D. Bersenam tidak dapat mengurangkan risiko jangkitan penyakit.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pertandingan Melukis Poster Sempena Kempen Selamatkan Nyawa

SK Desa Bakti akan mengadakan pertandingan melukis poster sempena Kempen Selamatkan Nyawa pada bulan Jun ini. Objektif pertandingan ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada murid-murid tentang pentingnya menjaga keselamatan pada setiap masa. Pertandingan akan diadakan seperti yang berikut:

Tarikh : 21 Jun 2017
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat : Dewan SK Desa Bakti

Syarat-syarat pertandingan:

- ▶ Terbuka kepada semua murid
- ▶ Tema poster berkaitan aspek keselamatan di sekolah
- ▶ Keputusan hakim adalah muktamad

*Semua hadiah disumbangkan oleh PIBG SK Desa Bakti.

*Semua peserta yang mengambil bahagian akan diberikan sijil penyertaan.

Hadiah

Pertama : RM250
Kedua : RM200
Ketiga : RM150
10 sagu hati : RM50

1. Poster yang berikut menepati tema pertandingan, **kecuali**
 - A. keselamatan di kelas.
 - B. keselamatan di kantin.
 - C. keselamatan di jalan raya.
 - D. keselamatan di makmal sains.
2. Mengapakah semua murid perlu menjaga keselamatan di sekolah ?
 - A. Memastikan peraturan sekolah dipatuhi.
 - B. Menggalakkan kejadian yang tidak diingini.
 - C. Membantu guru mengawal masalah disiplin.
 - D. Mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

3. Berapakah jumlah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang ?
- A. RM 1 100
 - B. RM 1 200
 - C. RM 1 300
 - D. RM 1 400
4. Pilih pernyataan yang **benar** tentang pertandingan tersebut.
- A. Hadiah disumbangkan oleh guru-guru.
 - B. Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua murid.
 - C. Kempen Selamatkan Nyawa memberikan manfaat kepada murid-murid.
 - D. Keputusan hakim boleh diubah jika terdapat bantahan daripada peserta.

Latihan simpulan bahasa.

Suaikan jawapan yang betul berdasarkan simpulan bahasa yang diberi.

LIPAS KUDUNG



Orang yang rajin.

AYAM TAMBATAN



Membuat kerja dengan cepat.

RINGAN TULANG



Orang harapan dalam sesebuah pasukan.

ATAS PAGAR



Tidak menyebelahi mana-mana pihak

Praktis 4

Pilih perkataan yang sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

atau	dari	yang	untuk
pada	dan	supaya	kerana

Guru ialah insan _____ bersusah payah mengajar kita untuk berjaya dalam pelajarannya. Jasanya dalam usaha mendidik kita sukar _____ dibalas. Atas sebab itulah guru diumpamakan seperti lilin yang membakar dirinya untuk menerangi orang lain. Sebagai balasan, sentiasalah hormati guru _____ merekalah yang menyebabkan kita dapat mengenal huruf, membaca dan mengira seperti sekarang. Tiada apa-apa yang lebih menggemirakan seorang guru melainkan jasanya sentiasa dihargai _____ diingati oleh anak-anak didiknya.

Praktis 5

Pilih perkataan yang sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

tetapi	atau	sering	kerap
dan	antara	setiap	namun

Hakim, Jagesh _____ Lai Meng ialah kawan baik. Mereka pergi ke sekolah bersama-sama. Pada waktu petang, mereka _____ bermain bola bersama-sama. Mereka juga menyiapkan kerja-kerja sekolah bersama-sama. Walaupun berbeza bangsa dan agama tetapi mereka saling menghormati _____ satu dengan yang lain. Mereka tidak menghina atau mengejek adat resam, budaya dan agama masing-masing. Walaupun mereka masih kecil _____ ibu bapa telah mendidik mereka supaya sentiasa menghormati sesama jiran, tidak kira bangsa dan agama.